

UiTM mahu jadi peneraju pembangunan digital menerusi Pusat Komuniti AI



Oleh [Suzalina Halid](#) - Disember 17, 2024 @ 7:40am
suzalina@bh.com.my



Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan bekerjasama dengan pakar industri bagi memastikan kandungan silibus sentiasa relevan dengan keperluan masa kini, sekali gus menjadi peneraju pembangunan kecerdasan buatan (AI).

Ia juga sejajar dengan aspirasi negara dalam memacu ekonomi digital menerusi pelancaran Pusat Komuniti AI, Ogos lalu.

Ketua Pusat Kompetensi 'Intelligent Data Analytics' (i-DACC) Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) UiTM, Prof Madya Dr Sofianita

Mutalib, berkata pusat komuniti itu akan hub pendidikan, latihan, dan inovasi AI, memberi fokus kepada masyarakat, industri dan sektor kerajaan.

Beliau berkata, antara projek itu ialah menggunakan teknologi AI untuk 3M (membaca, menulis, mengira) dan aplikasi bahasa isyarat menunjukkan bagaimana teknologi AI ini diterjemahkan untuk manfaat komuniti.

"Penekanan diberikan kepada pembangunan ekosistem AI melalui pendekatan pendidikan, penyelidikan, dan kolaborasi industri.

"UiTM sentiasa berusaha bagi memperhalusi program akademik dengan bekerjasama dengan pakar industri bagi memastikan kandungan silibus sentiasa relevan dengan keperluan masa kini dan hadapan.

"Ini bertujuan menghasilkan graduan yang lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran AI, memastikan mereka dapat menyumbang kepada tenaga kerja global serta memperkukuh daya saing Malaysia di persada antarabangsa," katanya kepada BH, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan BH bahawa semua 20 universiti awam (UA) di negara ini diarah menubuhkan fakulti AI atau memasukkan elemen teknologi baharu itu dalam fakulti sedia ada bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan graduan dengan pasaran pekerjaan.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mustapha Sakmud, dilaporkan berkata pengajian AI melalui fakulti baharu atau elemen teknologi itu dimasukkan dalam fakulti berkaitan sedia ada dijangka dapat melahirkan graduan lebih memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dan industri.

Pada masa sama, Sofianita berkata, pelajar digalakkan menyertai pelbagai pertandingan berprestij bagi memberi peluang mereka mengasah dan mengaplikasikan kemahiran AI mereka dengan bimbingan para pensyarah pakar.

Beliau berkata, berkaitan aspek penyelidikan, UiTM memanfaatkan kepakaran dalaman untuk menggalakkan projek berimpak tinggi, sejajar dengan peningkatan jumlah geran penyelidikan dan kolaborasi dengan sektor industri.

"Penyelidik dan pelajar pasca siswazah UiTM juga digalakkan untuk berinovasi dalam penyelesaian masalah kritikal menggunakan teknologi AI, selaras dengan saranan Perdana Menteri semasa pelancaran Pejabat AI Kebangsaan (NAIO).

"UiTM memastikan pelajar dalam pelbagai disiplin memperoleh kemahiran AI yang relevan dengan keperluan industri.

"Di Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), subjek teras seperti Fundamental of AI, Machine Learning, dan Data Mining diterapkan dalam program utama yang ditawarkan di KPPIM," katanya.

Selain itu, beliau berkata, fakulti lain seperti Fakulti Pendidikan, Sains Gunaan, Kejuruteraan, dan Kolej Alam Bina turut menyokong pembelajaran AI melalui modul khas atau projek berasaskan teknologi AI.

Katanya, bagi pelajar bukan dari bidang teknologi, UiTM merangka kursus elektif AI yang memberi penekanan kepada konsep asas dan aplikasi praktikal.

"Kursus ini membolehkan pelajar memahami bagaimana AI boleh dimanfaatkan dalam membuat keputusan harian dan tugas profesional.

"Dengan reka bentuk kurikulum yang menggabungkan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah, UiTM memastikan graduan bukan sahaja bersedia menghadapi cabaran tempatan tetapi juga bersaing di peringkat global.

"Ini juga membabitkan pendedahan kepada tools AI dalam projek, kajian kes, dan pembelajaran berasaskan masalah," katanya.

Beliau berkata, dengan perkembangan pesat teknologi AI, UiTM memainkan peranan penting dalam memastikan graduan bersedia menjadi tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Katanya, sebagai langkah strategik, UiTM menggalakkan penggunaan alat AI seperti analitik data, pemodelan, dan automasi dalam tugasan dan projek pelajar.

"Penggunaan ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran digital mereka tetapi juga menanam nilai profesionalisme dan etika teknologi.

"UiTM juga terus mengukuhkan kolaborasi dengan industri dan agensi luar untuk memberikan pelajar peluang menyelesaikan masalah sebenar menggunakan pendekatan AI.

"Contohnya, penyelidikan kolaboratif dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membantu pelajar membangunkan penyelesaian inovatif yang dapat meningkatkan daya saing syarikat tempatan," katanya.

Beliau berkata, dengan ekosistem pembelajaran dan penyelidikan yang berpusatkan teknologi terkini, UiTM berupaya menghasilkan graduan yang mampu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan AI, sekali gus menyumbang kepada agenda nasional bagi melahirkan 600,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.